

Privacy and Security Statement



Privacy

Personal information

To offer you a life insurance policy, U for Life asks you to provide personal information via its website relating to your identity, state of health and credit card. Our process is compliant with the Personal Data Protection Act 2010 of Malaysia. We assure you that this information will only ever be used in relation to managing your application for a life insurance policy and for no other purpose. None of your personal details will ever be sold, rented or made available to any party not directly related to managing your policy. Within U for Life, your personal details will only be accessible to authorised staff operating within strict guidelines. You're entitled to access any information we hold about you. Read our personal data notice and consent statement below for more information.

Emails you send to us

Messages you send to our customer support team are private. However, emails can be intercepted and misdirected, so please don't include banking or credit card details in an email.

Your security

When you buy a policy, we ask you to choose a security question. This enables us to verify your identity should you contact us at a later date. You are responsible for protecting your security question. Do not disclose this information to third parties. We strongly recommend that you use different security question on different sites.

Marketing offers

We at U for Life would like to communicate with you from time to time to update you on the products and services we offer. We always request your permission to promote U for Life products and services. If you don't want to us to contact you in this regard, you can always opt out.

Security

Internet security

U for Life takes steps to ensure your personal information is transmitted and held securely. To make this happen, U for Life uses a secure server for collecting sensitive information, such as your credit card and health information. The secure server encrypts your information before transmitting it across the internet, rendering it entirely safe from prying eyes. The third party we use to provide this secure server is Thawte, see their [website](#) and their [privacy policy](#).

Paying by credit or debit card

When you pay by credit or debit card then a third party, [MPay](#) will check the validity of your card and will deduct your payments on behalf of Tokio Marine Life. Only Tokio Marine Life will ever communicate to you about your policy payments and receipts.

Cookies

When you visit our website a "cookie" is created. Cookies are small pieces of information that are stored on your computer's hard drive. It's common practice for websites to use cookies for marketing and also to improve customer experience. We use cookies to retarget banner campaigns in the Google Display Network. We don't ever use cookies to record personal information. Our cookies expire after 30 days.

Links to third party sites

We have some references on our website that link to third party websites, such as [InsurancelInfo.com.my](#) Although UforLife is satisfied with the way these third parties manage their websites, their security and privacy is beyond our control. If you're worried about security or privacy, we recommend you read the security and privacy policies provided by these sites.



Penyata Privasi dan Sekuriti

Privasi

Maklumat peribadi

Untuk menawarkan polisi insurans hayat kepada anda, U for Life meminta anda untuk memberikan maklumat peribadi yang berkaitan dengan identiti, status kesihatan dan kad kredit anda melalui laman web. Proses kami mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia. Kami memberi jaminan bahawa maklumat tersebut hanya akan digunakan untuk menguruskan permohonan polisi insurans hayat anda dan bukan untuk tujuan lain. Maklumat peribadi anda tidak akan dijual, disewa atau diberikan kepada mana-mana pihak yang tidak berkaitan secara langsung bagi pengurusan polisi anda. Butir-butir peribadi anda dengan U for Life hanya boleh diakses oleh kakitangan yang berkuatkuasa dan beroperasi berdasarkan garis panduan yang ketat. Anda berhak untuk mengakses mana-mana maklumat yang berkaitan dengan anda. Baca notis data peribadi dan penyata persetujuan kami di bawah untuk maklumat selanjutnya.

E-mel yang anda hantar

E-mel yang anda hantar kepada perkhidmatan pelanggan kami dijamin sulit. Walau bagaimanapun, e-mel boleh dipintas atau tersilap alamat kiriman. Jangan sertakan maklumat bank atau kad kredit ke dalam e-mel.

Sekuriti anda

Apabila anda membeli polisi, anda diminta untuk memilih soalan sekuriti. Ini membolehkan pengesahan identiti anda sekiranya anda perlu menghubungi kami pada masa akan datang. Anda bertanggungjawab untuk melindungi soalan sekuriti anda. Jangan dedahkan maklumat ini kepada pihak ketiga. Anda digalakkan supaya menggunakan soalan sekuriti yang berbeza untuk laman-laman yang lain.

Tawaran-tawaran pemasaran

Kami di U for Life ingin berkomunikasi dengan anda dari masa ke semasa untuk memaklumkan anda mengenai produk-produk dan perkhidmatan yang kami tawarkan. Kami akan meminta kebenaran anda setiap kali sebelum mempromosikan produk dan perkhidmatan bagi U for Life. Jika anda tidak mahu dihubungi, anda dibenarkan untuk memilih keluar.

Sekuriti

Sekuriti internet

U for Life mengambil langkah-langkah untuk memastikan maklumat peribadi anda dihantar dan disimpan dengan selamat. Demi kepastian anda, U for Life menggunakan perkhidmatan "server" yang selamat untuk mengumpul maklumat sensitif, seperti maklumat kad kredit dan kesihatan anda. Perkhidmatan "server" yang selamat akan menukar maklumat anda ke kod rahsia sebelum menghantarkannya melalui internet, menjadikan ia selamat sepenuhnya dari mata pengintip. Pihak pembantuan untuk perkhidmatan ini adalah Thawte, sila lihat [laman web](#) mereka dan [polisi privasi](#) mereka.

Pembayaran dengan kad kredit atau kad debit

Apabila anda membayar dengan kad kredit atau kad debit, [iPay88](#) akan memeriksa kesahihan kad anda dan akan memotong bayaran anda bagi pihak Tokio Marine Life Insurance Berhard. Tokio Marine Life Insurance Berhard akan berhubung dengan anda tentang bayaran polisi dan resit anda.

Cookies

Apabila anda melawat laman web kami, "cookie" akan dicipta. Cookies adalah maklumat cebisan kecil yang akan disimpan di dalam pemacu keras komputer anda. Ia adalah amalan biasa bagi laman web yang menggunakan cookies untuk pemasaran dan juga untuk meningkatkan pengalaman pelanggan. Kami menggunakan cookies untuk kempen sependuk sasaran semula dalam Rangkaian Paparan Google. Kami tidak pernah menggunakan cookies untuk merekodkan maklumat peribadi. Cookies kami akan tamat selepas 30 hari.

Hubungan ke laman pihak ketiga

Kami mempunyai beberapa rujukan di laman web kami yang mengandungi hubungan ke laman web lain, seperti [InsuranceInfo.com.my](#) Walaupun U for Life berpuas hati dengan cara pihak ketiga menguruskan laman web mereka, sekuriti dan privasi mereka adalah di luar kawalan kami. Jika anda bimbang tentang sekuriti atau privasi, anda dinasihati supaya membaca polisi-polisi sekuriti dan privasi yang disediakan oleh laman-laman ini.